



**KERATAN AKHBAR**  
**24 Nov2021 (Wednesday)**

**Utusan Malaysia**

|   |   |
|---|---|
| Pembinaan punca banjir di Ampang          | 1 |
| RM1.75b naik taraf infrastruktur Selangor | 2 |

**Kosmo**

|  |   |
|--|---|
| Hujan lebat lebuh raya sumbang banjir                | 3 |
| Selangor ambil tindakan segera atasi masalah bah     | 4 |
| 'Jangan cemarkan udara kami'                         | 5 |
| CSR Mr DIY   | 6 |
| DIY Group, MPHS, sukarelawan bersih Sungai Kedondong | 7 |

**Sinar Harian**

|  |    |
|--|----|
| Kempen #kita jaga jalankita                  | 8  |
| MBPJ keluar 249 permit sementara bantu PTL   | 9  |
| 'Tarik semula kelulusan lesen kilang bateri' | 10 |
| Banjir kilat terburuk sejak 2012             | 11 |

**Bernama Radio 24**

|   |    |
|---|----|
| Selangor bakal terima peruntukan RM1.756 bilion tahun depan | 12 |
|---|----|

**Selangor TV**

|  |    |
|--|----|
| Tourism Selangor Bakal Anjur Acara Pelancongan, Rancakkan Kembali Industri | 13 |
|--|----|

**The Star**

|  |    |
|--|----|
| High alert   | 14 |
| COUNCIL NOTICES  | 15 |
| Pretty empowering  | 16 |
| 'Relocate Jenjarom battery factory'                            | 17 |
| LBS Bina to stay focused on affordable housing                 | 18 |
| Man caught on CCTV stealing Selayang council-owned rubbish bin | 19 |
| SOMEBODY'S GOT TO DO IT  | 20 |

**The Sun**

|  |    |
|--|----|
| Selangor to get RM1.76b for projects next year | 21 |
|--|----|

**China Press**

|   |    |
|---|----|
| Water level reach the waist . Traffic disruption; Ampang multi-areas severe flooding. | 22 |
|---|----|

**Sin Chew Daily**

|   |    |
|---|----|
| Kampung Ampang flooded after rain; Efforts go into clearing drains clogged by rubbish                     | 23 |
| "Ren Qing Ba Sheng" combines 8 local products to celebrate CNY; Klang gift box limited only at 1000 boxes | 24 |
| Foul odour coming from rubbish clogging drains at Jenjarom alley 14                                       | 25 |

**RTM2**

|  |    |
|--|----|
| Wee Ka Siong Bertemu Dengan MB Selangor Tentang Isu ECRL | 26 |
|--|----|



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |                                  |
|--------------|---|----------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                  |
| Tajuk Berita | : | Pembinaan punca banjir di Ampang |
| Muka Surat   | : | 12                               |



PENDUDUK melalui jalan yang berlumpur akibat kejadian banjir di Kampung Lembah Jaya, Ampang, kelmarin.



KEADAAN dalam sebuah rumah mangsa banjir dipenuhi lumpur. - UTUSAN/FAUZI BAHRUDIN

Sebanyak 50 mangsa daripada 17 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan

## Pembinaan punca banjir di Ampang

Oleh MASUREEN HADZMAN  
dan ABDUL RAZAK IDRIS  
utusannews@medamula.com.my

**PETALING JAYA:** Projek pembinaan diperkatakan menjadi punca utama berlakunya banjir berlumpur di sekitar daerah Hulu Langat, malam kelmarin.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, hujan lebat berterusan selama lima jam menyebabkan berlakunya banjir berlumpur kerana sisa-sisa pembangunan yang dikhuatiri tersangkut pada sungai-sungai dan saluran.

Untuk itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Ampang mahu tindakan sewajarnya diambil oleh pihak pemaju terbabit supaya perkara sama tidak berulang.

Selain itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Ampang mahu tindakan sewajarnya diambil oleh pihak berkenaan perlu memastikan keseluruhan pembangunan itu tidak terjejas dengan kejadian banjir.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) turut bertanggungjawab memastikan kerja-kerja pembinaan dilakukan segera dan menyemak sama ada berlaku kecualian daripada pihak terbabit dan sebagainya," katanya semasa melawat mangsa banjir di Dewan MPAJ, Lembah Permai di sini semalam.



MANGSA terpaksa membuang barang yang rosak akibat banjir di Kampung Lembah Jaya, Ampang.

Beliau berkata, hujan lebat selama lima jam juga membawa 140 milimeter (mm) air di Sungai Ampang dan menyebabkan ia melimpah keluar.

"Sungai Ampang hanya mampu menampung sebanyak 60 mm, jadi meningkat dua kali ganda dan mengakibatkan ia melimpah keluar dan lumpur-

lumpur pembinaan yang tersangkut di dalam sungai dan longkang membuatkan air cetek dan cepat berlaku banjir.

"Saya juga amat berharap kerja pembersihan akan dibantu oleh pasukan-pasukan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan per-

tubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya penduduk boleh cepat kembali ke rumah mereka," jelasnya.

Dalam pada itu, sebanyak 50 mangsa daripada 17 keluarga di Kampung Lembah Jaya Utara dan Lembah Jaya Selatan, Ampang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS)

berikutnya banjir yang melanda kawasan itu.

Mengesahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouq Eshak berkata, sebanyak dua PPS di buka iaitu di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Lembah Jaya Utara dan Selatan.

Bagaimanapun setakat ini, hanya satu PPS diduduki penduduk yang terjejas dan sekiranya tidak mencukupi sebuah lagi dewan akan dibuka untuk menempatkan mereka.

"Setakat ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melakukan pemantauan di lokasi-lokasi yang terjejas," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Selangor menggerakkan seramai 150 sukarelawan Selangor Volunteer (Serve) ke kawasan yang dilanda banjir kilat itu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Generasi Muda dan Modal Insan negeri, Mohd. Khairuddin Othman, kejadian banjir kilat di kawasan tersebut amat mengejutkan kerana tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Kesemua anggota Serve akan membantu masyarakat yang terlibat dengan musibah di kawasan tersebut. Jika ada kawasan lain yang terlibat kita akan menggerakkan anggota Serve selepas ini," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                           |
| Tajuk Berita | : | RM1.75b naik taraf infrastruktur Selangor |
| Muka Surat   | : | 35  |

# RM1.75b naik taraf infrastruktur Selangor

Oleh SITI AZIELAH WAHI  
ekonomi@utusan.com.my

**SEPANG:** Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1.756 bilion untuk negeri Selangor di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Menyatakan berbincang, sebanyak RM1.684 bilion daripada peruntukan itu melibatkan projek sambungan manakala baki RM72 juta adalah untuk projek baharu.

Beliau berkata, sebanyak RM1.684 bilion daripada peruntukan itu melibatkan projek sambungan manakala baki RM72 juta adalah untuk projek baharu.

"Peruntukan untuk projek sambungan termasuk untuk me-naik taraf jalan raya, pembinaan jalan baharu di Serendah, pembinaan pusat kardiologi Hospital Serdang dan pembinaan Hospital Tanjung Karang," katanya dalam sidang akhbar selepas sesi jelajah Pasca RMK12, Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di sini, semalam.

Mustapa berkata, kerajaan mengambil maklum tentang isu infrastruktur yang dibangkitkan oleh Menteri Besar yang



**MUSTAPA Mohamed dan Amirudin Shari (dua kiri) pada sesi jelajah Pasca RMK12 bersama Kerajaan Negeri Selangor di Sepang, Selangor, semalam. - UTUSAN/SITI AZIELAH WAHI**

juga relevan di semua negeri dalam hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi, justeru kerajaan berusaha menyediakan infrastruktur terbaik kepada rakyat termasuk kemudahan air, jalan raya, sekolah dan hospital.

Sementara itu dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak turut memberi fokus kepada tiga lagi isu utama yang perlu diselaraskan di peringkat negeri dan pusat iaitu melibatkan bidang aeroangkasa, digital dan kemahiran serta peluang pekerjaan kepada golongan muda.

"Daripada pertemuan ini banyak yang telah kita bincangkan, dan banyak yang boleh kita selaraskan dalam arongan-kasa yang ada di Selangor dan pelan tindakan peringkat Pusat di mana kedua-dua bidang memerlukan libat urus yang lebih berkesan supaya lebih sehaluan.

"Begitu juga dalam bidang digital di mana Selangor mempunyai Smart Selangor manakala MyDigital di peringkat pusat. Kita telah bersetuju untuk mengadakan sebuah platform mengumpulkan kerajaan pu-

sat dengan semua kerajaan negeri untuk berkongsi perancangan dan mesyuarat pertama berkaitan penyelesaian ini akan diadakan pada Januari depan," katanya.

Selain itu, Mustapa berkata, dalam pertemuan itu mereka juga berbincang untuk melatih kemahiran anak muda untuk mengurangkan penggunaan bahan asing melalui penyelesaian dengan Kementerian Sumber Manusia membabitkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |                                       |
|--------------|---|---------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                                 |
| Tajuk Berita | : | Hujan lebat lebuh raya sumbang banjir |
| Muka Surat   | : | 3                                     |

Sisa pembangunan sekat sistem saliran

# Hujan lebat, lebuh raya sumbang banjir

Oleh NUR HUDA MUSA

**AMPANG** – Hujan lebat luar biasa dan pembinaan lebuh raya dipercayai menjadi punca berlakunya banjir lumpur sehingga menjelaskan 801 mangsa melibatkan 127 buah rumah di daerah Hulu Langat di sini malam kelmarin.

Menteri Perusahaan Perladaan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, hujan lebat berterusan selama lima jam menyebabkan berlakunya banjir kerana sisa-sisa pembangunan dikhuatiri tersebut dalam sungai dan sistem saliran.

"Tindakan sewajarnya perlu diambil oleh pihak berkaitan agar kejadian sama tidak berulang kembali pada masa akan datang.

"Selain itu, kerja pembalakan juga perlu dipercepatkan dan pihak syarikat lebuh raya juga perlu memastikan keseluruhan pembangunan infrastruktur itu tidak terjejas dengan kejadian banjir ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan MPAJ di Lembah Permai di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen

men Ampang itu memberitahu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) turut bertanggungjawab memastikan kerja-kerja pembalakan dilakukan segera dan menyemak sekiranya wujud faktor cuai daripada pihak kontraktor lebuh raya dan sebagainya.

Jelasnya, catatan hujan lebat selama lima jam ialah 140 milimeter (mm) sejam menyebabkan air melimpah dari Sungai Ampang seterusnya menyebabkan penempatan penduduk di kawasan berhampiran terjejas.

"Lumpur pembinaan yang tersangkut dalam sungai dan longkang menyumbang kepada kejadian banjir di kawasan berkenaan," katanya.

Zuraida turut berharap kerja-kerja pembersihan di lokasi terjejas dapat dibantu bomba, Jabatan Pengairan dan Saliran dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan penduduk dapat kembali ke kediaman masing-masing dengan lebih cepat.

Dalam pada itu, Zuraida berkata, sekat ini bekalan makanan kepada penduduk yang terjejas adalah mencukupi dan bantuan lain seperti kipas untuk kegunaan di PPS pula akan diberikan secepat mungkin.

Tambah Zuraida, jumlah kero-

sakan harta benda penduduk yang terabit akan dibincangkan kemudian dengan pihak syarikat lebuh raya berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd. Yusoff berkata, mangsa-mangsa banjir yang masih belum berpindah ke PPS dinasihatkan untuk mendapatkan perlindungan di kermudahan yang disediakan.

"Saya difahamkan, masih ramai yang belum berpindah, kita bimbang sekiranya hujan dan berlaku kejadian tidak diingini. Sekiranya semua mangsa berada di PPS, mudah untuk kita memantau dan meneliti bantuan kepada mereka.

"Di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita sudah menyediakan keperluan yang diperlukan kepada mangsa-mangsa banjir," ujarnya.

Selain itu, katanya, Lembaga Kaunselor Malaysia juga bersedia membantu mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan kaunseling.

"Kita akan menyediakan lebih ramai kaunselor bagi membantu mangsa banjir mendapatkan khidmat kaunseling sekiranya diperlukan," kata beliau.



**ZURAIDA** (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai kejadian banjir semasa melawat PPS Dewan MPAJ di Lembah Permai, Ampang semalam.



## KERATAN AKHBAR

24 November 2021

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Kosmo  |
| Tajuk Berita | : | Selangor ambil tindakan segera atasi masalah bah |
| Muka Surat   | : | 3  |



DUA sukarelawan membantu membersihkan rumah penduduk di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang semalam.

# Selangor ambil tindakan segera atasi masalah bah

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri akan mengambil tindakan segera berhubung laporan kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di negeri ini berikutnya peralihan Monsun Timur Laut kelmarin.

Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, beliau menerima laporan mengenai kejadian bencana alam itu yang membabitkan kawasan Ampang, Hulu Langat dan Gombak.

Menurut beliau, agensi yang terlibat dalam pengurusan banjir turut dikerahkan bersama-sama memberi bantuan kecemasan dan memindahkan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Pihak berkuasa tempatan (PBT), KDEB Waste Management (KDEBWM), ahli majlis, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras giat menghulurkan bantuan kecemasan dan bantu pemindahan mangsa yang terjejas," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau semalam.

Amirudin memberitahu, selain itu, sukarelawan Team Selangor dan Program Sukarelawan Selangor (Serve) turut membantu kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas dalam kejadian banjir kilat tersebut.



Kerajaan negeri akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa terutama ketika musim monsun dan hujan lebat seperti yang diramal Jabatan Meteorologi."

**AMIRUDIN**

"Kerajaan negeri akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa terutama ketika musim monsun dan hujan lebat seperti yang diramal Jabatan Meteorologi.

"Tindakan segera akan diambil bagi membantu mangsa-mangsa di kawasan yang terjejas," jelasnya.

*Kosmo! Online* melaporkan hujan lebat berterusan sejak petang kelmarin mengakibatkan dua kawasan di Kampung Lembah Jaya Utara dan Lembah Jaya Selatan di sini telah dinaiaki air setinggi kira-kira satu meter.

Ekoran kejadian itu, seramai 258 mangsa yang terjejas akibat kejadian banjir kilat ditempatkan di PPS Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Lembah Permai setakat pukul 10.20 malam.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |                              |
|--------------|---|------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                        |
| Tajuk Berita | : | 'Jangan cemarkan udara kami' |
| Muka Surat   | : | 16                           |

+ 9,000 penduduk Kampung Jenjarom bantah operasi kilang bateri

## **'Jangan cemarkan udara kami'**

Oleh MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS

**SHAH ALAM** – Kira-kira 9,000 penduduk Kampung Jenjarom, Kuala Langat dekat sini mendesak kerajaan negeri membatalkan rancangan pembukaan semula operasi sebuah kilang bateri di sini.

Bantahan itu dibuat susulan keimbangan mereka terhadap pencemaran yang akan timbul sekaligus memberi kesan kepada tahap kesihatan penduduk kampung berkenaan.

Pengerusi Badan Bertindak Isu Pencemaran Plumbum Kampung Jenjarom, Mohd. Nazri Afrizal berkata, tindakan membantah operasi semula kilang itu dibuat bagi mengelakkan episod pencemaran udara empat tahun lalu berulang semula.

Menurutnya, pada 2017 kilang berkenaan terbakar menyebabkan pencemaran udara yang teruk.

Kata Mohd. Nazri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 2019 memutuskan membatalkan lesen perniagaan serta memindahkan kilang terbaik ke lokasi yang lebih sesuai.

"Bagaimanapun, MMKN pada 24 September lalu telah memberikan kelulusan kepada kilang itu untuk beroperasi semula.

"Kami dimaklumkan bahawa kilang itu dikendalikan oleh



MOHD. NAZRI (tiga dari kiri) bersama beberapa penduduk Kampung Jenjarom mengangkat sepanduk membantah pembukaan kilang bateri di Bangunan SUK, Shah Alam semalam.

syarikat yang baru," katanya selepas menyerahkan memorandum mendesak kerajaan negeri membantah kilang itu beroperasi semula kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di sini semalam.

Memorandum berkenaan diterima Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Setiausaha Kerajaan Selangor, Norisham Sharuddin.

Sementara itu, salah seorang penduduk Sarmiah Panita, 65,

mendakwa, cucunya mengalami sakit dada yang teruk sehingga terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan akibat pencemaran yang berhasil daripada kilang berkenaan.

"Pada awal tahun 2018, cucu sulung yang baru berusia setahun secara tiba-tiba sakit teruk dan telah dibawa ke hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan.

"Doktor yang merawatnya mengesahkan bahawa jantungnya dijangkiti kuman dan ter-

paksa menggunakan alat bantuan pernafasan," ujarnya.

Dia yang tinggal kira-kira 100 meter daripada kilang itu berharap kerajaan negeri dapat bertindak segera supaya insiden yang menimpakannya tidak berlaku kepada anak kecil lain.

Sebelum ini, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Datuk Amirul Azizan Abd. Rahim berkata, kelulusan pembeiran lesen sementara kepada syarikat tersebut telah dipersetujui kerajaan negeri.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR 24 November 2021

|              |   |            |
|--------------|---|------------|
| Akhbar       | : | Kosmo      |
| Tajuk Berita | : | CSR Mr DIY |
| Muka Surat   | : | 32         |



PPN Sana Sini

ANGGOTA sukarelawan mengutip sampah pada Program Tanggungjawab Sosial Korporat Mr.DIY Membersihkan Sungai Kedondong bersama Majlis Perbandaran Hulu Selangor di Batang Kali, semalam. — SHIDIEQIIN ZON



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Kosmo  |
| Tajuk Berita | : | DIY Group, MPHS, sukarelawan bersih Sungai Kedondong |
| Muka Surat   | : | 37   |



AZLAM (tiga dari kanan) pada program pembersihan di Sungai Kedondong, Batang Kali semalam.

## D.I.Y Group, MPHS, sukarelawan bersih Sungai Kedondong

**PETALING JAYA** – D.I.Y Group komited memainkan peranan aktif dalam menjaga alam sekitar bagi memastikan taman, sungai dan tempat awam sentiasa dilindungi demi masa depan generasi akan datang.

Pengerusinya, Datuk Azlam Shah Alias berkata, penglibatan sulung kumpulan dalam projek pembersihan dan membaiki fasiliti di Sungai Kedondong, Batang Kali ini adalah platform awal untuk memastikan tempat-tempat seperti ini dipelihara.

"Ini adalah salah satu daripada beberapa inisiatif yang telah dirancang menjelang cuti

sekolah pada akhir tahun dan musim cuti kerana kawasan persekitaran di sungai ini sering kotor akibat sampah-sarap yang ditinggalkan pengunjung.

"Kami juga memasang 13 papan tanda seperti papan tanda keselamatan dan informasi di sekitar kawasan ini supaya dapat memberikan kesedaran kepada pengunjung," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program membersih dan membaiki fasiliti di Sungai Kendondong, Batang Kali semalam.

Turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Mohd. Hasry

Nor Mohd.

Program itu melibatkan 80 sukarelawan dengan dibantu oleh MPHS.

Antara agensi lain yang membantu adalah Jabatan Perhutani, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pembangunan Orang Asli, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia serta komuniti Orang Asli dari Kampung Songkok.

Selain itu, Mohd. Hasry berharap, masyarakat lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan di Sungai Kedondong bagi menghargai usaha dan inisiatif pihak berkuasa dan sukarelawan selama ini.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |                             |
|--------------|---|-----------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                |
| Tajuk Berita | : | Kempen #kita jaga jalankita |
| Muka Surat   | : | 9                           |

# Kempen #KitajagaJalanKita

Inisiatif KKR beri kesedaran berkaitan penjagaan jalan raya

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

**K**ementerian Kerja Raya (KKR) melancarkan kempen #KitajagaJalanKita yang bertujuan memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat untuk lebih prihatin terhadap aspek penjagaan jalan raya di seluruh negara.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kempen itu akan melibatkan penjagaan seluruh kawasan jalan raya meliputi infrastruktur sekitar seperti longkang jalan, pembentung, papan tanda, lampu jalan, lampu isyarat, penghadang jalan dan perabot jalan.

Beliau berkata, usaha penjagaan infrastruktur tersebut yang juga merupakan aset penting awam itu sangat memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya masyarakat awam di Malaysia.

Ini kerana sebarang perbuatan vandalisme terhadap infrastruktur berkenaan berpotensi besar untuk menyebabkan risiko kepada pengguna jalan raya yang lain.

"Perasuan 'sense of belonging' atau 'ownership' kepada infrastruktur awam seperti jalan raya dan prasarana awam perlu disematkan di setiap jiwa rakyat Malaysia.

"Sikap dan 'mindset' kita sendiri sebagai rakyat Malaysia untuk sama-sama prihatin dalam menjaga infrastruktur awam negara perlu diterapkan seawal usia yang mungkin.

"Peranan kita walaupun sedikit tentunya akan memberi impak yang signifikan," katanya ketika majlis pelancaran kempen #KitajagaJalanKita yang distarkan secara langsung di Facebook KKR pada Selasa.

## Impak besar

Masyarakat Malaysia boleh melakukan langkah penjagaan dengan mendidik anak-anak supaya tidak membuat sampah di merata-rata tempat termasuk di jalan raya.

Menurut Fadillah, ini kerana sampah-sarap yang dibuang di jalan raya boleh menyebabkan saluran perparitan tersumbat sekali gus mengakibatkan berlakunya banjir kiat berpuncai-dari pada halangan aliran air di permukaan jalan tersebut.

"Lebih memburukkan keadaan, situasi ini akan merosakkan struktur jalan memandangkan sistem perparitan



Fadillah menyeru orang ramai memulakan langkah penjagaan menerusi kempen #KitajagaJalanKita.

**R**Saya ingin mengajak orang awam untuk menyalurkan aduan melalui saluran aduan rasmi utama iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) KKR dan SISPAA JKR."

Sedia ada tidak dapat berfungsi dengan baik.

"Oleh itu, untuk jangka masa panjang, ia akan mengakibatkan hakisan dan kerosakan jalan.

"Pada masa sama, keadaan ini juga boleh mengakibatkan pembentukan 'water ponding' atau permukaan jalan yang bakal mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya," ujarnya.

Situs tersebut menurutnya akan menyebabkan pengguna jalan raya mengalami kesukaran untuk mengawal kenderaan ketika melalui jalan tersebut disebabkan kurangnya geseran di antara permukaan jalan dan tayar kenderaan yang seterusnya berpotensi mengakibatkan kemalangan.

Mengulas lanjut katanya, walaupun setiap jalan di dalam negara direka bentuk untuk digunakan sehingga 10 tahun, namun terdapat beberapa faktor yang boleh memendekkan jangka hayatnya.

Keadaan ini berpuncak daripada kenderaan lebih muatan yang melalui sesebuah jalan dan kerja penampalan jalan yang tidak sempurna selepas kerja pengonekan oleh syarikat utiliti.

"Aktiviti ini merupakan antara punca kerosakan pada turapan jalan berlaku lebih awal daripada yang dijangkakan. Masalah ini akan kerap berulang sekiranya kurang kesedaran daripada pelbagai pihak.

kerosakan dan kecacatan di sebahagian jalan raya di seluruh negara, namun Fadillah berkata, kementeriannya sangat komited untuk memastikan jalan raya berada dalam keadaan terbaik.

Menurutnya, pada tahun 2020, sebanyak 1,100 aduan melibatkan Jalan Raya Persekutuan diterima dan telah diambil tindakan oleh KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR).

Beliau berkata, usaha bagi memulih atau memutihkan lokasi jalan raya yang sering berlakunya kerosakan sentiasa menjadi agenda utama kementeriannya melalui JKR sebagai agensi pelaksana.

"Oleh itu, saya ingin mengajak orang awam untuk menyalurkan aduan melalui saluran aduan rasmi utama iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) KKR dan SISPAA JKR.

"Bagaimanapun, aduan dari saluran yang lain akan tetap diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

"Setiap aduan anda amatlah berguna sebagai usaha menambahbaik sistem penyampaian perkhdmatan Kementerian Kerja Raya dan agensi demi kesejahteraan Rakyat," ujar beliau.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bertanggungjawab untuk menyenggara Jalan Raya Persekutuan di Semenanjung Malaysia yang memiliki kepanjangan 14,857.86 kilometer tidak termasuk lebuh raya bertol.

Sementara di Labuan, Sabah dan Sarawak, JKR bertanggungjawab untuk menyenggara Jalan Persekutuan sepanjang 3,138.16 kilometer.

Fadillah berkata, walaupun negara masih lagi dalam tempoh Pelan Pemuliharaan Negara, kerja penyelenggaraan Jalan Raya Persekutuan dan Jalan Raya Negeri sentiasa dilaksanakan demi keselamatan pengguna jalan raya.

Katanya, kesemuanya kerja tersebut dijalankan dengan sebaik-baiknya oleh syarikat konsesi di seluruh negara dengan pengauditan dan pemantauan berterusan oleh JKR.





**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                               |
| Tajuk Berita | : | MBPJ keluar 249 permit sementara bantu PTL |
| Muka Surat   | : | 22   |

## MBPJ keluar 249 permit sementara bantu PTL

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengeluarkan sebanyak 249 permit sementara bermasa kepada peniaga tanpa lesen (PTL) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 pada Jun hingga Oktober lalu.

Sekretariat Media Unit Komunikasi Korporat MBPJ dalam kenyataannya memaklumkan, sebanyak 185 permit dikeluarkan melibatkan 10 zon kawasan Ahli Majlis pada fasa satu Julai lalu.

Menurut kenyataan itu, jumlah permit dikeluarkan di kawasan terlibat ialah di zon 17 membabitkan kawasan PJS 1 dan PJS 3, Jalan Besar PJCC, Petaling Jaya (zon 18), SS 5 dan SS 6 Kelana Jaya (zon 21), PJU 4 dan PJU 5 (zon 3) dan PJS 6 (zon 24).

“Selain itu, permit turut dikeluarkan di Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 4 dan

Seksyen 51 (zon 15), SS2 (zon 8), Seksyen 1, Seksyen 1A dan Seksyen 18 (zon 16) dan di Seksyen 17A, Seksyen 19 dan SS20 (zon 9) serta SS 21, SS 22 dan SS 22A (zon 5),” katanya pada Selasa.

Kenyataan itu memberitahu, sebanyak 64 permit fasa dua telah dilaksanakan membabitkan empat zon kawasan Ahli Majlis pada Ogos dan September lalu.

“Lokasi permit dikeluarkan ialah di Jalan PJS 2/1, Taman Dato Harun (zon 18), Jalan PJS 6/6b, Petaling Jaya (zon 24), Jalan SS 3/19, Sungai Way (zon 20), Jalan Pekaka 8/1, Seksyen 8 Kota Damansara (zon 3),” jelas kenyataan itu.

Kenyataan itu memberitahu, seramai 49 PTL telah dilesenkan di sekitar lokasi terbabit yang turut menyediakan 51 petak bersaiz (8x8 kaki persegi) bagi menyusun dan menempatkan PTL mengikut konsep perkongsian petak mengikut sesi.



Datuk Bandar MBPJ, Mohamad Azhan Md Amir (tengah) menyerahkan permit sementara bermasa kepada seorang penerima.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                 |
| Tajuk Berita | : | 'Tarik semula kelulusan lesen kilang bateri' |
| Muka Surat   | : | 22   |

## 'Tarik semula kelulusan lesen kilang bateri'

Penduduk ulangi bantahan pembukaan semula kilang berkenaan di Jenjarom

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

**P**enduduk Jenjarom di sini mengulangi bantahan rancangan pembukaan semula sebuah kilang bateri plumbum di kampung berkenaan yang dibimbangi memberi kesan pencemaran susulan operasi di premis terbabit.

Bantahan itu dinyatakan menerusi pernyerahan memorandum kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari agar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor menarik semula kelulusan lesen perniagaan syarikat terbabit.

Memorandum diserahkan

oleh wakil penduduk, Mohd Nazri Afrizal kepada wakil Menteri Besar di hadapan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini kira-kira jam 10.30 pagi Selasa.

Mohd Nazri berkata, kilang berkenaan pernah ditutup pada tahun 2019 apabila hasil siasatan agensi dan jabatan berkaitan mendapati terdapat kesan pencemaran susulan operasi di premis terbabit.

Namun menurutnya, menerusi mesyuarat bersama MPKL pada 20 September lalu, pihak terlibat memaklumkan MMKN Selangor telah bersetuju untuk membenarkan semula operasi kilang berkenaan.

"Jangan lihat nyawa dan kesihatan kami satu perkara ringan kerana generasi kami perlu dijaga bermula sekarang, ini harapan yang saya bawa kepada penduduk kampung," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis pernyerahan memorandum itu pada Selasa.



Mohd Nazri (dua dari kanan) menerahkan memorandum kepada wakil Menteri Besar di hadapan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Selasa.

Dalam pada itu, beliau berharap MMKN membuat semula ketetapan untuk tidak memberikan lesen operasi kepada pembukaan kilang bateri terbabit di kawasan Jenjarom atau berdekatan dengan kawasan pemukiman penduduk.

Dalam masa sama, beliau menggesa MMKN mengemukakan semua laporan hasil kajian enam buah agensi kerajaan pada

tahun 2019 yang membawa kepadanya keputusan membatalkan lesen kilang itu sebelum ini.

Untuk rekod, pada tahun 2019, kilang berkenaan telah diarah tutup serta-merta oleh kerajaan Selangor sehingga siasatan terhadap pencemaran asid dan plumbum yang didakwa berpunca dari premis itu selesai.

Pada 24 September lalu, Mohd Nazri mewakili penduduk

Jenjarom bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantah rancangan pembukaan semula sebuah kilang bateri plumbum.

Bantahan itu dinyatakan menerusi satu perhimpunan aman yang diadakan di hadapan kilang terbabit selepas sesi libat ursus yang berlangsung di Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2021**

|              |   |                                  |
|--------------|---|----------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                     |
| Tajuk Berita | : | Banjir kilat terburuk sejak 2012 |
| Muka Surat   | : | 23                               |

# ‘Banjir kilat terburuk sejak 2012’

Air Sungai Ampang melimpah menyebabkan Bukit Belacan dilanda banjir

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

AMPANG

**B**anjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Bukit Belacan di sini disifatkan terburuk sejak kali terakhir bencana sama berlaku pada tahun 2012.

Seorang penduduk, Mohd Sharif Apen, 63, berkata, rata-rata penduduk tidak bersedia dengan kejadian banjir kali ini yang dianggap luar biasa.

Menurutnya, penduduk terkejut apabila paras air mencecah 1.2 meter menyebabkan beberapa



Kedua-dua banjir kilat yang melanda Bukit Belacan pada Isnin.

barang dan dokumen penting tidak sempat diselamatkan.

“Jiran saya memaklumkan dia tidak sempat menyelamatkan beberapa barang berharga yang rosak dan ditenggelami banjir.

“Malah, ada juga kenderaan terperangkap di dalam banjir yang mula melimpah ke jalan dan

rumah penduduk dalam sekelip mata,” katanya pada Selasa.

Mohd Sharif berkata, hujan berterusan sejak jam 5 petang Isnin mengakibatkan banjir kilat pada jam 8 malam.

Katanya, semasa kejadian dia berada di Ayer Keroh, Melaka dan dalam perjalanan pulang ke

rumahnya di Bukit Belacan.

“Saya dihubungi isteri dan anak-anak memaklumkan air dari Sungai Ampang mula melimpah keluar di jalan dan rumah penduduk.

“Saya sekeluarga bernasib baik apabila barang-barang berharga sempat diselamatkan dengan bantuan isteri, anak dan rakaninya serta biras yang bertungkus-jumus membantu memindahkan barang ke tempat selamat,” ujarnya.

Katanya, penduduk resah apabila banjir itu turut membawa lumpur memenuhi jalan dan lantai rumah penduduk.

Dakwa beliau, kejadian banjir kilat membawa lumpur itu dipercayai berlaku berikutan kerja-kerja pembinaan sebuah lebuh raya berhampiran.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan beberapa kawasan di sekitar Ampang dilanda banjir kilat berikutnya hujan berterusan lebih satu jam.

Pengarah Jabatan Bomba dan

Penyelamat Selangor, Norazam Khamis berkata, kawasan terlibat ialah di Taman Hillview, Kampung Lembah Jaya Utara dan Lembah Jaya Selatan.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri akan mengambil tindakan segera berhubung laporan banjir di beberapa kawasan di negeri itu pada Isnin berikutan peralihan Monsun Timur Laut.

Menurut beliau, beberapa kawasan dilaporkan berlaku banjir kilat iaitu di Ampang, Hulu Langat dan Gombak.

“Agenzi terlibat dalam pengurusan banjir turut dikerahkan untuk memberi bantuan kecemasan dan pemindahan mangsa banjir.

“PBT (pihak berkuasa tempatan), KDEB Waste Management, Ahli Majlis, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras giat hulur bantuan kecemasan dan bantu pemindahan,” katanya dalam hantaran di Facebook pada Selasa.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**23 November 2021**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Bernama Radio 24  |
| Tajuk Berita | : | Selangor bakal terima peruntukan RM1.756 bilion tahun depan |
| Muka Surat   | : | -   |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**23 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Selangor TV  |
| Tajuk Berita | : | Tourism Selangor Bakal Anjur Acara Pelancongan, Rancakkan Kembali Industri |
| Muka Surat   | : | -  |



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |            |
|-------------------------|---|------------|
| <b>24 November 2021</b> |   |            |
| Akhbar                  | : | The Star   |
| Tajuk Berita            | : | High alert |
| Muka Surat              | : | 1          |



# High alert

Selangor authorities step up checks on hillslopes and issue flood warnings in nine districts amid heavy monsoon rainfall

By SHALINI RAVINDRAN  
 shalini@thenewstimes.com.my

SELANGOR authorities are on high alert for potential disasters such as landslides and flooding in the state with the ongoing north-south monsoon.

According to the Malaysian Meteorological Department (MMD), the North-South Monsoon will continue until early November until March next year.

The Selangor Development Ministry (SDM) has instructed all its state-level agencies, departments and local authorities to implement early warning measures in the event of floods, landslides and storms.

These include monitoring areas at risk of flooding in numerous areas in the state and issuing alerts.

"We urge residents to be prepared and follow instructions issued by the relevant SDM," said in a statement.

The statement added: "Penjuru, Sepang, Kuala Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Selangor and Sabak Bernam."

## Hillslopes being monitored

Anging Jaya Municipal Council's (MPAJ) Engineering Department director Mohd Fariz Md Faizi said inspection and rectification work worth about RM800,000 this year in carrying out slope failure prevention work.

In Selangor, several slopes that have been declared as high-risk areas by the MPAJ in its jurisdiction had been carried out throughout the state.

He pointed out that MPAJ monitored 356 hillslopes in the state, with 100 cases of slope failure according to Zafrial, 180 hillslopes belong to the local council while the rest are owned by other government agencies or belong to private individuals or joint management bodies (JMB) and managed by them.

